

KESALAHAN EJAAN: BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA

FAMILIARIZE WITH THE NORMS, CORRECT THE NORMS

Ainal Akmar Ahmad¹
Maizatul Azura Yahya²
Nasihah Hashim³
Hamizah Ahmad⁴

^{1,2,3,4}Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia
Sintok, Kedah, Malaysia

Accepted date: 31 October 2017

Published date: 13 September 2018

To cite this document: Ahmad, A. A., Yahya, M. A., Hashim, N., & Ahmad, H. (2018). Kesalahan Ejaan: Biasakan Yang Betul, Betulkan Yang Biasa. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(17), 38-48.

Abstrak: Manusia dan makanan tidak dapat dipisahkan kerana setiap hari manusia memerlukan makanan untuk meneruskan kehidupan. Kepelbagaian kaum yang terdapat di Malaysia menyebabkan makanan juga turut bervariasi. Bagi memenuhi cita rasa masyarakat Malaysia untuk menikmati makanan muncullah pelbagai restoran dan kedai makan yang menawarkan pelbagai menu makanan. Tujuan penggunaan menu ini ialah untuk mengenalkan jenis-jenis masakan kepada pelanggan dan memudahkan pelanggan menempah makanan yang disukai mereka. Menu-menu makanan ini akan diletakkan di atas meja atau di hadapan premis perniagaan masing-masing. Namun begitu, dalam kerancangan peniaga menyediakan menu makanan yang pelbagai ini mereka telah mengabaikan aspek ejaan pada menu-menu yang disediakan. Terdapat pelbagai ejaan yang dieja pada makanan yang disajikan. Situasi ini boleh mengelirukan pelanggan tentang ejaan yang betul mengikut sistem ejaan bahasa Melayu. Oleh itu satu kajian telah dilakukan bagi mengenal pasti dan menganalisis kesalahan ejaan pada menu makanan. Analisis dibuat mengikut ejaan daripada Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Hasil analisis mendapati terdapat pelbagai kesalahan ejaan pada menu-menu yang disediakan oleh restoran atau kedai makan. Antara kesalahan utama yang sering dilakukan ialah ejaan kuetiau, mi, bihun, tomyam, sate, taughe dan taucu. Bagi membendung masalah ini daripada terus berleluasa maka langkah-langkah pengawalan perlu dilakukan oleh pihak-pihak berwajib. Tujuannya supaya peniaga mahupun pemilik restoran Melayu terutamanya perlu lebih peka terhadap aspek ejaan pada menu makanan mereka untuk mengelakkan kesalahan ejaan yang boleh menjejaskan imej bahasa Melayu.

Kata Kunci: Menu Makanan, Kesalahan Ejaan, Restoran, Kedai Makan.

Abstract: Food and human are known to be inseparable since we require food to live. Our diversified ethnicities lead to the vast array of food choice. To satisfy Malaysia's societal taste buds, there are massive selections of food available at numerous numbers of restaurants and

eateries in the country. The menus in these restaurants are to introduce and offer the various selection of food available at the eateries and to enable customers to choose the food of their liking. These food menus are normally placed on the table settings or at the entrance of these eateries and have detailed preparation and contents of the served meals. In efforts to gain as much profits as possible for their However, very often, in the midst of restaurant owners and operators trying to optimize their profits by offering many different cuisine and menus, they tend to disregard the quality of language exhibited in the menu. Very often, this has led to many misunderstandings and misinterpretation of items presented in the menu as the spellings do not adhere to the standard spelling accepted in the Dewan Dictionary, 4th edition (2005). A research was then conducted to compare the standardized set spelling endorsed by the Dewan Dictionary and menus prepared by restaurants and food eateries. From the findings, it is evident that there are many spelling errors displayed in the menus. One of the most prominent errors would be the spelling of 'kuetiau', 'mi', 'bihun', 'tomyam,' 'sate', 'tauge' and 'taucu'. To prevent the same mistakes being made again, efforts from the relevant and responsible must be taken. This is to ensure restaurant and eateries owners and operators, specifically the Malays to be more attentive towards the spellings of their meals and cuisine in their menus so as not to endanger the status and image of Bahasa Melayu.

Keywords: Food Menus, Spelling Errors, Restaurants, Eateries.

Pendahuluan

Kewujudan pelbagai restoran dan kedai makan bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Pengusaha restoran dan kedai makan berlumba-lumba menyediakan pelbagai jenis makanan bagi memenuhi permintaan pelanggan. Adanya masyarakat majmuk di Malaysia turut mempengaruhi kepelbagaian jenis restoran dan kedai makan serta makanan yang disajikan sama ada makanan berbentuk tradisional mahupun moden. Hal ini disebabkan oleh kepelbagaian kaum yang terdapat di Malaysia di mana setiap masyarakat mempunyai makanan tradisional yang tersendiri dan menjadi lambang identiti kaum masing-masing. Kepelbagaian dan perpaduan yang erat antara kaum di Malaysia membolehkan setiap masyarakat berpeluang menikmati makanan kaum lain. Sebagai contoh, masyarakat Cina dan India turut menggemari keenakan nasi lemak yang merupakan makanan tradisional masyarakat Melayu. Begitu juga sebaliknya masyarakat Melayu turut menikmati makanan kaum-kaum lain.

Melalui makanan budaya sesuatu bangsa juga dapat dipamerkan ke mata dunia. Warga asing yang pernah menikmati makanan dari negara ini dan tertarik dengan keenakannya, akan berusaha untuk mempelajari nama makanan tersebut. Oleh itu, ejaan yang betul dan tepat pada menu makanan memainkan peranan penting kepada warga asing untuk mempelajari dan menyebut dengan betul jenis makanan yang terdapat di Malaysia. Justeru, keselarasan ejaan sesuatu makanan perlu dititik beratkan supaya tidak terjadi kekeliruan kepada seluruh masyarakat. Namun, seperti bahan bercetak yang lain, menu makanan juga tidak terkecuali daripada menerima tempias kesalahan bahasa terutamanya dari segi ejaan makanan.

Kesalahan bahasa bermaksud apa jua penggunaan bentuk bahasa yang dianggap salah oleh penutur jati atau penutur yang fasih dalam sesuatu bahasa disebabkan pembelajaran yang salah atau belum sempurna (Richards. *et. al.* 1992). Dalam konteks kajian ini, kesalahan ejaan ialah kesalahan yang dilakukan oleh pengguna dan pengusaha makanan dalam mengeja sesuatu jenis makanan mengikut ejaan sistem bahasa Melayu yang betul. Kesalahan dan kecelaruan penggunaan ejaan bahasa Melayu ini menggambarkan sikap peniaga atau pengiklan yang tidak

prihatin dengan penggunaan bahasa Melayu yang tepat dan betul. Sikap mereka yang mengabaikan penggunaan bahasa Melayu dengan betul seolah-olah memperlekehkan martabat bahasa Melayu. Hal ini boleh menjejaskan kewibawaan bahasa Melayu yang mana kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Artikel 152 Perlembagaan Malaysia adalah lebih tinggi berbanding bahasa lain. Kesalahan ini berlaku dalam pelbagai situasi dan di serata tempat. Walaupun sistem ejaan baru diperkenalkan pada tahun 1986 namun penguatkuasaannya tidaklah dilaksanakan sepenuhnya. S. Nathesan (2010) menyatakan bahawa selain kesalahan ejaan terdapat kesalahan lain dalam bahasa Melayu. Antaranya ialah kesalahan sebutan, perkataan, frasa, ayat dan makna.

Pelbagai kajian telah dilakukan berkaitan kesalahan bahasa (Emi Widyaningsih (2009), Siti Norshahida Mohd A. Rashid, Nor Azuwan Yaakob & Che Ibrahim Saleh (2015), Siti Baidura Kasiran, Nurul Jamilah Rosly (2011), Masitah Muhammadin, Rohaidah Kamarudin & Sharil Nizam Sha'ri (2018) namun kajian-kajian tersebut tidak menyentuh aspek kesahan ejaan secara khusus dan belum ada lagi kajian berkaitan kesalahan ejaan pada menu makanan. Disebabkan tiada kajian yang khusus berkaitan kesalahan ejaan pada menu makanan maka pengkaji merasakan wajar dilakukan kajian kesalahan ejaan pada menu makanan bagi mengelakkan kekeliruan pelanggan dan pengusaha kedai makan dalam mengeja sesuatu makanan. Oleh itu, kajian ini akan melihat kesalahan ejaan yang berlaku dalam menu-menu makanan yang terdapat di restoran-restoran terpilih dan cadangan untuk mengatasi masalah ini daripada terus berleluasa.

Sistem Ejaan Bahasa Melayu

Sistem ejaan bahasa Melayu adalah sistem yang pada umumnya berdasarkan kaedah fonemik, iaitu unit-unit bunyi yang berfungsi sahaja yang dilambangkan dengan huruf justeru tidak ada huruf yang senyap atau tidak berbunyi. Bagi pengejaan istilah pinjaman, bentuk ejaan kata asing dikekalkan terutamanya pada perkataan yang baru diserapkan manakala perkataan yang sudah lama masuk ke dalam bahasa Melayu, ejaannya dikekalkan mengikut kelaziman.

Prinsip pengejalan ejaan perkataan asing melibatkan kemunculan ciri-ciri bunyi dan juga bunyi-bunyi yang baharu dalam bahasa Melayu. Dalam buku Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992) menggabungkan dua kumpulan utama kata pinjaman dari segi ejaannya, iaitu:

- kata asing yang belum sepenuhnya terserap ke dalam bahasa Melayu disebabkan oleh ketiadaan padanan yang sesuai atau kerana keinginan mengekalkan bentuk asal atas dasar sifat keantarabangsaan penggunaannya, perkataan tersebut hendaklah dieja dan disebut seperti kata asalnya;
- kata asing yang pengucapan dan penulisannya sudah sepenuhnya terserap ke dalam bahasa Melayu sama ada dari segi sebutan ataupun ejaan, ia akan dieja dengan mengutamakan bentuk visualnya. Perkataan sedemikian masuk ke dalam bahasa Melayu melalui penciptaan istilah baharu yang kemudiannya ditulis menurut kaedah seperti pengejalan atau perubahan abjad.

Menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2008), pada tahun 1959 satu mesyuarat untuk menstandardkan sistem ejaan Rumi telah dijalankan antara pihak dari Malaysia dengan pihak dari Indonesia. Hasil daripada mesyuarat tersebut, sistem Ejaan Malindo telah diumumkan yang namanya terhasil daripada singkatan nama dua buah negara iaitu Malaysia dan Indonesia. Namun, sistem Ejaan Malindo tidak dapat dilaksanakan disebabkan tidak praktis dan tidak ekonomik yang mana ia

memerlukan belanja yang besar untuk mencetak semula sistem ejaan yang sedia ada disebabkan oleh pengenalan grafem <ɲ> bagi <ny> dan <n> bagi <ng>.

Pada tahun 1967, rundingan antara Malaysia dengan Indonesia untuk kali kedua berkenaan sistem ejaan Rumi bagi kedua-dua buah negara telah mewujudkan sistem Ejaan Bersama Malaysia-Indonesia yang disebut sebagai sistem Ejaan Baru (Muhammed Salehudin Aman, 2012). Antara perkara yang dipersetujui melalui rundingan ini adalah:

- sistem penulisan vokal dalam suku kata akhir tertutup iaitu vokal i, e, u, dan o;
- penulisan awalan dan akhiran mempunyai satu cara sahaja iaitu digandingkan atau ditulis serangkai dengan kata dasar;
- penulisan partikel dan kata sendi nama seperti kah, lah, tah, ditulis berasingan daripada perkataan lain;
- pengenalan grafem baharu, iaitu <sy> menggantikan <sh> dan <c> menggantikan <ch>.

Selain itu, huruf-huruf Rumi telah dipersetujui dan dikelaskan kepada:

- **huruf vokal:** a, e, i, o, u (Kelima huruf ini melambangkan enam fonem atau vokal standard.);
- **huruf diftong:** ai, au, oi;
- **huruf konsonan:** selain huruf vokal. (Terdapat 26 konsonan yang melambangkan 25 fonem.);
- **huruf konsonan gabungan:** gh, kh, ny, ng, sy.

Sistem ejaan ini kemudiannya dilancarkan serentak di Kuala Lumpur oleh Perdana Menteri Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein, dan di Jakarta oleh Presiden Soeharto pada 16 Ogos 1972 (Muhammed Salehudin Aman, 2012). Di Malaysia, sistem ini dikenali sebagai Ejaan Rumi Baru Bahasa Melayu manakala di Indonesia, sistem ini dikenali sebagai *Ejaan Bahasa Indonesia yang Disempurnakan*. Sistem ini menggantikan sistem ejaan lama iaitu Ejaan Za'ba di Malaysia dan Ejaan Soewandi di Indonesia.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti kesalahan ejaan pada menu makanan.
2. Menganalisis kesalahan ejaan pada menu makanan.
3. Mengenal pasti kesalahan ejaan terbanyak dalam menu makanan.

Maksud Istilah

Kajian ini akan menganalisis ejaan dan istilah berdasarkan ejaan daripada Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Berikut merupakan istilah dan ejaan yang betul mengikut Kamus Dewan (2005).

▪ Menu

Senarai masakan yang disajikan pada sesuatu hidangan atau yang boleh dipesan di restoran dan sebagainya.

- **Mi**
Sejenis bahan makanan yang rupanya seperti laksa tetapi biasanya berwarna kuning (diperbuat daripada tepung gandum).
- **Mihun/Bihun**
Sejenis bahan makanan seperti mi yang halus-halus (diperbuat daripada tepung beras).
- **Kuetiau**
Sejenis makanan berwarna putih yang lembut dan berkeping-keping (dibuat daripada tepung beras).
- **Tomyam**
Sup masam pedas daripada aneka campuran daging, udang, sayuran, dll yang berasal dari Siam.
- **Sate**
Sejenis makanan yang dibuat daripada potongan kecil daging yang dicucuk dan dipanggang (dimakan dengan kuah).
- **Taucu**
Sejenis makanan yang dibuat daripada kacang keledai putih (soya) dengan garam.

Bahan Kajian

Kajian ini akan menganalisis ejaan pada nama makanan di restoran makanan Melayu sekitar Selangor, Kedah, Terengganu dan Johor. Sebanyak lapan buah restoran telah dipilih dan menunya dikaji untuk melihat kesalahan ejaan yang terdapat pada nama makanan yang disediakan oleh pihak restoran. Restoran tersebut ialah:

- Restoran Maklong (Jln Klang Lama)
- Restoran Ameera Tomyam (Shah Alam)
- Restoran Ed'De (Puncak Alam)
- *FoodExpress2u* (Shah Alam)
- Restoran Selera Kampung (Kajang)
- D'Dapur Ibuku (Kedah)
- Restoran Katana (Terengganu)
- Restoran Kafila Maju (Johor)

Analisis Dan Perbincangan

Berikut merupakan dapatan kesalahan ejaan mengikut restoran.

4.1 Restoran Maklong (Jln Klang Lama)

SALAH	BETUL
Satay	Sate
Mee	Mi

Bi Hun	Bihun
Kuey Teow	Kuetiau
Taugeh	Tauge

Berdasarkan jadual di atas, Restoran Maklong telah melakukan lima kesalahan ejaan pada menu makanannya iaitu sate, mi, bihun, kuetiau dan tauge.

4.2 Restoran Ameera Tomyam (Shah Alam)

SALAH	BETUL
Tauchu	Taucu
Kobis	Kubis
Mee	Mi
Kuey Tiow	Kuetiau

Restoran Ameera Tomyam pula telah melakukan empat kesalahan ejaan iaitu ejaan taucu, kubis, mi dan kuetiau.

4.3 Restoran Ed'De (Puncak Alam)

SALAH	BETUL
Mee	Mi
Kuey Teow	Kuetiau
Tom Yum	Tomyam

Restoran Ed'De pula hanya melakukan tiga kesalahan ejaan pada menu makanannya iaitu ejaan mi, kuetiau dan tomyam.

4.4 FoodExpress2u (Shah Alam)

SALAH	BETUL
Tom Yam	Tomyam
Taugeh	Tauge
Kangkong	Kangkung
Mee	Mi
Kuih Tiaw	Kuetiau

Restoran FoodExpress2u melakukan lima kesalahan ejaan iaitu tomyam, tauge, kangkung, mi dan kuetiau.

4.5 Restoran Selera Kampung (Kajang)

SALAH	BETUL
Mee	Mi
Mee Hun	Mihun
Kuey Teow	Kuetiau
Sop	Sup
Kang Kong	Kangkung

Restoran Selera Kampung melakukan lima kesalahan ejaan iaitu ejaan pada makanan mi, mihun, kuetiau, sup dan kangkung.

4.6 D'Dapur Ibuku (Kedah)

SALAH	BETUL
Mee	Mi
Koew Teow	Kuetiau

Hanya 2 kesalahan ejaan yang didapati pada menu makanan D'Dapur Ibuku. Kesalahan itu ialah pada ejaan mi dan kuetiau.

4.7 Restoran Katana (Terengganu)

SALAH	BETUL
Mee	Mi
Kueh Teow	Kuetiau

Restoran Katana juga hanya melakukan dua kesalahan ejaan iaitu pada ejaan mi dan kuetiau.

4.8 Restoran Kafila Maju (Johor)

SALAH	BETUL
Mee	Mi
Kuetiaw	Kuetiau

Restoran Kafila Maju di Johor juga hanya melakukan dua kesalahan ejaan iaitu mi dan kuetiau.

Rumusan Keseluruhan Dapatan

SALAH	BETUL
Mee	Mi
Kuey Teow/ Kuey Tiow/ Kuey Teiw/ Kuih Tiaw/ Koew Teow/ Kueh Teow/ Kuetiaw	Kuetiau
Bi Hun	Bihun
Mee Hun	Mihun
Satay	Sate
Tauchu	Taucu
Sop	Sup
Tom Yum/ Tom Yam	Tomyam
Kobis	Kubis
Taugeh	Tauge
Kang Kong/ Kangkong	Kangkung

Berdasarkan daripada analisis data di atas, dapat dilihat bahawa kesalahan ejaan yang paling banyak dilakukan adalah pada ejaan kuetiau. Terdapat tujuh jenis cara peniaga menulis untuk ejaan kuetiau seperti dalam jadual di atas. Hal ini mungkin kerana cara sebutan yang hampir sama menyebabkan makanan tersebut dieja mengikut ujaran yang disebut oleh pemilik restoran. Dapatan lain ialah berlakunya kesalahan ejaan pada mi dan tomyam oleh kebanyakan kedai. Hal ini mungkin berlaku disebabkan oleh istilah ini dipinjam daripada bahasa asing kerana makanan ini asalnya adalah makanan dari luar, justeru ejaan tersebut berkemungkinan besar turut dipengaruhi oleh ejaan bahasa asing. Hal yang sama turut boleh dilihat pada ejaan taucu di

Restoran Ameera Tomyam. Kesalahan ejaan sate yang dilakukan oleh Restoran Maklong pula menunjukkan bahawa peniaga terpengaruh dengan ejaan makanan dalam bahasa Inggeris dan mengeja sate menjadi satay. Perkara yang membimbangkan adalah apabila terdapatnya kesalahan ejaan pada nama sayuran seperti kubis, tauge, dan kangkung. Hal ini terjadi mungkin disebabkan oleh ejaan dilakukan dengan mengikut cara sebutan. Namun, kesalahan ini menunjukkan betapa lemahnya para peniaga dalam menguasai ejaan mudah bahasa Melayu untuk nama sayuran.

Secara keseluruhannya, kesemua kedai makan yang dikaji telah melakukan kesalahan ejaan yang sama iaitu mengeja mi dan kuetiau dengan ejaan yang salah. Kesalahan ini mungkin kerana kebiasaan pemilik restoran melihat nama makanan yang dieja dengan salah di restoran lain sebelum mengaplikasikannya pada menu makanan di restoran mereka. Kebiasaan mengeja sesuatu perkataan untuk sekian lama menyebabkan yang salah dilazimkan dan dianggap betul. Berdasarkan kajian ini, dapat dilihat bahawa kesalahan ejaan ini bukan sahaja berlaku di premis makanan di sekitar Selangor, akan tetapi ia juga turut berlaku di premis makanan lain di seluruh Malaysia.

Punca Kesalahan

Kesalahan ejaan berpunca daripada beberapa perkara. Antaranya, kelemahan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan peniaga di premis makanan. Hal ini disebabkan oleh kebiasaan mereka mengeja sesuatu perkataan untuk sekian lama sehingga yang salah dilazimkan dan dianggap betul. Walaupun konsep amalan berbahasa dengan membiasakan yang betul dan membetulkan yang biasa telah diperkenalkan, namun ia langsung tidak memberi kesan kepada komuniti bahasa kita kerana kita lebih selesa untuk menggunakan sesuatu yang sudah lama dipraktikkan.

Selain itu, kesalahan ejaan juga berlaku disebabkan kecuai semasa kerja-kerja menulis dan mencetak menu dilakukan. Kesalahan ini mungkin berlaku di syarikat percetakan yang mencetak menu untuk kedai tersebut. Mereka lebih cenderung untuk menggunakan ejaan lama yang terdapat dalam simpanan mereka dan menganggap ia betul tanpa menyemak kamus terlebih dahulu. Oleh itu, walaupun peniaga telah sedar akan kesalahan ejaan ini, namun syarikat percetakan tetap menyetaknya dengan salah. Dalam hal ini, syarikat percetakan harus peka dan menyemak semula ejaan sebelum mencetaknya. Hal ini selari dengan pandangan Mohd. Jonit Mohd. Johari (1994) yang menyatakan penulis juga perlu meninjau semula apa yang telah ditulisnya.

Di samping itu, kerancuan bahasa terutama dari segi sebutan menyebabkan sesuatu ejaan itu dieja berdasarkan bunyi yang dikeluarkan juga turut menjadi punca kesalahan ejaan ini terjadi. Sebagai contoh, sebutan <kangkong> menghasilkan ejaan yang mirip dengan sebutan tersebut namun jika dieja dan disebut secara baku, bunyinya amat berlainan sekali. Kerancuan bahasa ini adalah salah satu bentuk pencemaran bahasa. Nik Safiah Karim (1986) telah mengaitkan pencemaran bahasa sebagai penggunaan bahasa yang melanggar peraturan-peraturan bahasa yang telah dipersetujui, sama ada peringkat sebutan, pilihan kata atau susunan frasa dan ayat.

Punca terakhir yang mempengaruhi kesalahan ejaan pada menu makanan adalah disebabkan pengaruh ejaan menurut bahasa asal. 'Mee' adalah ejaan dalam bahasa Hokkien manakala dalam bahasa Melayu, ejaan yang tepat ialah mi. 'Tomyum' pula merupakan ejaan mengikut bahasa Thailand dan ejaan yang tepat dalam bahasa Melayu adalah tomyam. Oleh kerana makanan tersebut adalah dari luar, maka ejaannya juga turut meniru bahasa asing tanpa mengetahui

bahawa pihak Dewan Bahasa dan Pustaka telah menyediakan panduan yang betul untuk mengeja makanan tersebut.

Kelebihan Dan Kekurangan

Kelebihan

Walaupun peniaga ini melakukan kesalahan ejaan pada menu makanan mereka, namun tindakan mereka yang memartabatkan bahasa kebangsaan dengan menggunakan bahasa Melayu pada menu makanan mereka harus dipuji. Hal ini kerana sebahagian besar pemilik dan peniaga restoran makanan Melayu yang lain, lebih cenderung untuk menggunakan bahasa asing dalam memperkenalkan menu makanan di kedai mereka. Oleh itu, tindakan peniaga Melayu yang masih mengekalkan bahasa Melayu pada menu makanan mereka menunjukkan bahawa mereka masih menyanjung bahasa ibunda mereka. Sebagai rakyat Malaysia yang cintakan bahasa Melayu, kita seharusnya rasa berbangga menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dalam media cetak. Di samping itu, peniaga juga turut mengekalkan imej kemelayuan pada restoran mereka. Hal ini mungkin didorong oleh faktor hidangan yang dihidangkan adalah masakan Melayu justeru moleklah kiranya nama makanan tersebut kekal dalam bahasa Melayu.

Kekurangan

Kesalahan ejaan ini terjadi berkemungkinan kerana peniaga tidak menyemak terlebih dahulu ejaan makanan yang telah disediakan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Walaupun tindakan menggunakan bahasa Melayu secara keseluruhan pada menu makanan merupakan suatu tindakan yang harus dipuji, namun ia dilihat sedikit tempang dengan adanya kesalahan pada ejaan. Hal ini menunjukkan bahawa pemilik restoran itu masih lemah menguasai bahasa Melayu. Oleh itu, peniaga haruslah lebih peka dan teliti serta menyemak ejaan menu makanan mereka terlebih dahulu sebelum menyerahkannya kepada pelanggan. Selain itu, sikap tidak ambil kisah peniaga akan ejaan asalkan maksud makanan tersebut sampai kepada pelanggan juga merupakan kekurangan yang harus dibaiki oleh peniaga. Mengejar keuntungan tidak seharusnya dijadikan alasan oleh peniaga untuk melakukan kesalahan dalam bahasa.

Saranan Dan Pandangan

Peniaga makanan memainkan peranan yang penting dalam memelihara bahasa Melayu terutamanya dari segi ejaan makanan. Hal ini kerana melalui menu makanan, para pelanggan yang datang ke kedai dan memesan makanan dapat turut sama belajar cara ejaan makanan yang betul. Oleh itu, para peniaga serta syarikat percetakan dinasihatkan untuk merujuk Kamus Dewan terlebih dahulu bagi menyemak ejaan sesuatu hidangan sebelum mencetaknya di atas menu dan ditunjukkan kepada pelanggan.

Pihak majlis tempatan juga boleh menyediakan pusat khidmat nasihat khusus untuk membantu peniaga atau syarikat percetakan membuat paparan menu makanan. Dengan adanya pusat khidmat nasihat, ia diyakini dapat membantu peniaga mahupun syarikat percetakan untuk tidak melakukan kesalahan dalam penggunaan bahasa Melayu. Pusat khidmat nasihat ini akan membuat pengesahan sama ada sesebuah menu itu memenuhi penggunaan bahasa Melayu atau tidak. Sekiranya menu berkenaan mempunyai kesalahan penggunaan bahasa Melayu terutama dari segi ejaan, pusat khidmat tidak boleh memberi kelulusan kepada menu tersebut untuk dipamerkan di premis-premis perniagaan.

Kesimpulan

Kesalahan bahasa sering berlaku sama ada disedari ataupun tidak. Kesalahan bahasa yang sering berlaku bukan sahaja dari segi ejaan, namun ia juga berlaku dalam sudut kebahasaan yang lain

seperti tatabahasa, percampuran bahasa asing, struktur ayat tidak tepat, dan sebagainya. Seperti kajian yang dilakukan oleh Mohammed Zin Nordin *et al* mendapati terdapat tiga bentuk kesalahan bahasa yang kerap berlaku pada papan tanda perniagaan iaitu kesalahan ejaan, morfologi dan frasa. Kesalahan bahasa ini jika tidak diambil serius boleh mendatangkan keburukan kepada generasi muda di samping merendahkan martabat bahasa Melayu itu sendiri.

Berdasarkan kajian yang dilakukan didapati kesalahan utama yang sering dilakukan oleh pengusaha restoran dan kedai makan ialah ejaan kuetiau, mi, bihun, tomyam, sate, tauge dan taucu. Kesalahan yang paling ketara dilakukan ialah ejaan kuetiau dengan terdapat pelbagai cara ejaan tersebut ditulis. Jika perkara ini tidak dibendung ia boleh mengelirukan pelanggan mengenai ejaan yang betul.

Sikap menggunakan bahasa Melayu pada menu makanan harus dipuji kerana ia merupakan salah satu cara memartabatkan bahasa Melayu itu sendiri. Namun, peniaga mahupun pemilik restoran Melayu terutamanya perlu lebih peka terhadap aspek ejaan pada menu makanan mereka untuk mengelakkan kesalahan bahasa yang boleh menjejaskan imej bahasa Melayu.

Pengambilan makanan yang salah akan menyebabkan kita menerima padah begitu juga dengan ejaan yang salah pada menu makanan. Jika perkara ini dibiarkan berterusan, bermakna kita akan sentiasa dan terus menggunakan bentuk penggunaan bahasa yang salah. Justeru itu, semua masyarakat perlu memainkan peranan dalam membetulkan sesuatu kesalahan ejaan seperti kata pepatah 'Biasakan yang betul dan Betulkan yang biasa'. Walaupun nampak kecil, tetapi isu ini memberikan impak yang besar terhadap pembakuan bahasa Melayu jika masyarakat tidak mengambil peduli untuk membetulkan kesalahan-kesalahan ejaan yang dilakukan.

Rujukan

- Awang Sariyan. (2015). *Konsep kesalahan bahasa dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1992). *Pedoman umum pembentukan istilah bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka bagi pihak Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Emi Widyaningsih. (2009). Kesalahan ejaan dan ketidakbakuan kata pada karangan argumentasi siswa kelas X SMA Negeri 2 Sukoharjo. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan, Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masitah Mahammadin, Rohaidah Kamarudin & Sharil Nizam Sha'ri. (2018). Penggunaan bahasa Melayu pada papan nama premis perniagaan di sekitar bandaraya Kuala Terengganu. *International Journal of malay World & Civilisation* 6, 1, 41-50.
- Mohd Jonit Mohd Johari. (1994). Beberapa dikotomi pokok dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis karangan. *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Muhammed Salehudin Aman. (2012). *Sistem ejaan bahasa Melayu*. Klik WEB DBP. Diperolehi pada 5 Mei 2016, daripada <http://klikweb.dbp.my/wordpress/?p=6003>
- Mohamed Zin Nordin, Mohd Taib Ariffin, Khairul Azam Bahari & Siti Munirah Md. Zukhi. (2014). Analisis kesalahan penggunaan Bahasa papan tanda perniagaan. *Journal Procedia Social and Behavioral Sciences*, 134, 330-349.
- Muhammad Daud. (2014, 19 Jun). Banyaknya Ejaan Salah.... *Sinar Harian*, hlmn. 10.
- Nik Safiah Karim. (1986). *Bahasa Melayu tinggi: Teori dan penerapan*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

- Richards, J.C., Platt, J.T., Weber, H. & Candlin C.N. (1992). *Longman dictionary of applied linguistics*. Essex: Longman.
- Siti Baidura Kasiran & Nurul Jamilah Rosly. (2011). *Analisis kesalahan tata bahasa Bahasa Melayu dalam karangan pelajar asing di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar 2nd International Language Conference, di Universiti Islam Malaysia.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2008). *Siri pendidikan guru: Bahasa Melayu I*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Siti Norsyahida Mohd A. Rashid, Nor Azuwan Yaakob & Che Ibrahim Saleh. Penggunaan Bahasa dari laman blog dari aspek morfologi. *Journal of Business & Social Development*, 3,3, 34-50
- S. Nathesan. (2010). *Beberapa persoalan penggunaan bahasa Melayu dan penyelesaiannya* (Edisi kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bibliografi Penulis

Ainal Akmar binti Ahmad merupakan pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa, Budaya dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia. Memperoleh ijazah sarjana muda Pengkhususan Bahasa dan Linguistik Melayu daripada Universiti Putra Malaysia pada tahun 1999. Seterusnya menyambung pengajian di Universiti Malaya dalam bidang Pengajian Penerbitan dan memperoleh sarjana pada tahun 2005. Kini sedang melanjutkan pengajian Doktor Falsafah juga di Universiti Malaya dalam bidang yang sama. Antara kajian-kajian yang telah dilakukan ialah mengenai bahasa dan komunikasi, penerbitan dan pemasaran buku dan juga penulisan buku cerita kanak-kanak.

Maizatul Azura Yahya merupakan pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa, Budaya dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia. Memperoleh ijazah sarjana muda Pengkhususan Bahasa dan Linguistik Melayu daripada Universiti Putra Malaysia pada tahun 1999. Seterusnya menyambung pengajian di Universiti Malaya dalam bidang Pengajian Penerbitan dan memperoleh sarjana pada tahun 2005. Kini sedang melanjutkan pengajian Doktor Falsafah juga di Universiti Malaya dalam bidang yang sama. Antara kajian-kajian yang telah dilakukan ialah mengenai penerbitan dan pemasaran buku, budaya dalam kartun Melayu serta semiotik.

Nasihah Binti Hashim, seorang pensyarah bahasa Melayu di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia. Bidang pengkhususan ialah bahasa dalam komunikasi.

Hamizah Ahmad merupakan seorang graduan dari Universiti Teknologi MARA Shah Alam dan sedang mengikuti program Sarjana Sastera (Pengajian Bahasa Melayu Kontemporari) di Universiti Utara Malaysia.